

Keputusan Tahunan HSBC Bank (Singapore) Limited bagi 2024

Penyata untung atau rugi bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2024

	2024 S\$'000	2023 S\$'000
Pendapatan faedah	1,347,222	1,248,087
Perbelanjaan faedah	(627,195)	(511,625)
Pendapatan faedah bersih	720,027	736,462
Pendapatan yuran dan komisen	221,875	178,430
Perbelanjaan yuran dan komisen	(85,439)	(70,674)
Pendapatan yuran dan komisen bersih	136,436	107,756
Pendapatan perdagangan bersih	147,737	110,420
Pendapatan lain	9,497	4,503
Jumlah pendapatan operasi	1,013,697	959,141
Perbelanjaan:		
- kos kakitangan	(153,618)	(134,834)
- susut nilai hartanah, loji dan peralatan	(8,679)	(7,524)
- perbelanjaan operasi lain	(290,543)	(287,519)
Jumlah perbelanjaan operasi	(452,840)	(429,877)
Pendapatan operasi bersih sebelum perubahan kerugian kredit dijangka dan caj rosot nilai yang lain	560,857	529,264
Perubahan dalam kerugian kredit dijangka dan caj rosot nilai kredit yang lain	(59,297)	(25,838)
Keuntungan sebelum cukai	501,560	503,426
Perbelanjaan cukai	(83,297)	(82,526)
Keuntungan bagi tahun kewangan	418,263	420,900

Nota-nota yang mengiringi adalah sebahagian penting penyata kewangan ini.

Penyata kedudukan kewangan pada 31 Disember 2024

	2024 S\$'000	2023 S\$'000
ASET		
Baki tunai di Bank Pusat	265,771	225,432
Bil perbendaharaan dan sekuriti kerajaan Singapura	6,312,481	2,084,681
Bil perbendaharaan dan sekuriti kerajaan lain	3,505,660	1,817,772
Derivatif	9,437	16,253
Baki dan penempatan di, dan pinjaman kepada, bank	38,602	163,374
Pinjaman dan pendahuluan kepada pelanggan	10,700,913	13,779,251
Jumlah terhutang daripada syarikat induk langsung	10,482	14,172
Jumlah terhutang daripada syarikat-syarikat berkaitan	12,591,818	12,910,779
Aset-aset lain	470,299	718,217
Pelaburan dalam usaha sama	11,638	6,263
Hartanah, loji, peralatan	111,789	107,764
Aset tidak ketara	820	820
Aset cukai tertunda	895	1,552
Jumlah aset	34,030,605	31,846,330
LIABILITI		
Derivatif	4,075	10,944
Deposit dan baki bank	47,341	51,094
Deposit pelanggan bukan bank	30,793,322	28,645,279
Jumlah terhutang kepada syarikat induk langsung	7,919	41,243
Jumlah terhutang kepada syarikat-syarikat berkaitan	803,261	783,707
Liabiliti-liabiliti lain	384,587	348,418
Liabiliti cukai semasa	87,165	84,551
Jumlah liabiliti	32,127,670	29,965,236
ASET BERSIH	1,902,935	1,881,094
EKUITI		
Modal saham	1,530,000	1,530,000
Rizab	69,331	70,597
Keuntungan terkumpul	303,604	280,497
Jumlah ekuiti	1,902,935	1,881,094

Nisbah Kecukupan Modal

Nisbah kecukupan modal, dan komponen menurut Notis MAS No. 637 berkenaan Keperluan Kecukupan Modal Berasaskan Risiko untuk Bank yang Ditubuhkan di Singapura pada 31 Disember adalah:

	2024 S\$'j	2023 S\$'j
Aset wajaran risiko		
Risiko kredit	7,307	8,738
Risiko kredit pihak berlawanan	16	12
Risiko pasaran	6	10
Risiko operasi	1,401	1,334
	8,730	10,094
	2024	2023
	S\$'j	S\$'j
Komponen modal		
Modal Tahap 1	1,861	1,621
Modal Tahap 2	206	190
	2024	2023
	%	%
Nisbah modal		
Nisbah modal ekuiti biasa tahap 1	21.32%	16.06%
Nisbah tahap 1	21.32%	16.06%
Jumlah nisbah modal	23.68%	17.94%

Para Pengarah

Para pengarah Syarikat yang memegang jawatan pada tarikh penyata ini adalah seperti berikut:

Lee Yoke Sim Penny	Liew Lien Ban
Wong Kee Joo	James Coyle (dilantik pada 1 September 2024)
Tay Cheng Kim Karen	Edward Michael Flanders (meletakkan jawatan pada 31 Disember 2024)
Ngan Wan Sing Winston	Colin William Bell (meletakkan jawatan pada 31 Disember 2024)

Petikan Laporan Juruaudit Bebas kepada Ahli HSBC Bank (Singapore) Limited

Laporan ke atas Audit Penyata Kewangan

Pendapat kami

Pada pendapat kami, penyata kewangan HSBC Bank (Singapore) Limited ('Syarikat'), telah disediakan dengan betul menurut peruntukan-peruntukan Akta Syarikat 1967 ('Akta') dan Piawaian Laporan Kewangan di Singapura ('FRSs') untuk memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Syarikat pada 31 Disember 2024 dan prestasi kewangan, perubahan dalam ekuiti dan aliran tunai Syarikat bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut.

Apa yang telah kami audit

Penyata kewangan Syarikat terdiri daripada:

- penyata pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024;
- penyata kedudukan kewangan pada 31 Disember 2024;
- penyata perubahan dalam ekuiti bagi tahun kewangan yang berakhir pada tarikh tersebut;
- penyata aliran tunai bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut; dan
- nota-nota kepada penyata kewangan, termasuk maklumat dasar perakaunan yang berkaitan.

Asas pendapat

Kami telah melaksanakan audit kami menurut Piawai Audit Singapura ('SSAs'). Tanggungjawab kami di bawah piawaian tersebut dihuraikan dengan lebih lanjut dalam bahagian Tanggungjawab Juruaudit bagi Audit Penyata Kewangan dalam laporan kami.

Kami percaya bahawa bukti audit yang kami peroleh adalah mencukupi dan sesuai untuk membentuk asas pendapat kami.

Kebebasan

Kami bebas daripada Syarikat menurut Kod Tatakelakuan Profesional dan Etika bagi Akauntan Awam dan Entiti Perakaunan Penguasa Pengawasan Perakaunan dan Korporat ('kod ACRA') berserta dengan keperluan etika yang relevan dengan audit kami terhadap pengauditan penyata kewangan di Singapura, dan kami telah memenuhi tanggungjawab etika lain menurut keperluan ini dan Kod ACRA.

Maklumat Lain

Pihak pengurusan bertanggungjawab terhadap maklumat lain. Maklumat lain merangkumi Penyata Pengarah dan Maklumat Tambahan MAS 608 tetapi tidak termasuk penyata kewangan dan laporan juruaudit kami.

Pendapat kami mengenai penyata kewangan tidak merangkumi maklumat lain dan kami tidak memberi sebarang bentuk kesimpulan jaminan di atasnya.

Sehubungan dengan audit kami ke atas penyata kewangan, tanggungjawab kami adalah untuk membaca maklumat lain yang dikenal pasti dan, dengan berbuat demikian, memberi pertimbangan sama ada maklumat yang lain itu selaras secara material dengan penyata kewangan atau pengetahuan kami peroleh dalam audit, atau sebaliknya, kelihatan disalahnyatakan secara material. Sekiranya, berdasarkan tugas yang kami laksanakan, kami membuat kesimpulan bahawa terdapat salah nyata material bagi maklumat lain ini, kami perlu melaporkan fakta itu. Kami tiada apa-apa untuk dilaporkan dalam hal ini.

Tanggungjawab Pengurusan dan Pengarah terhadap Penyata Kewangan

Pihak pengurusan bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan yang memberi pandangan benar dan saksama menurut peruntukan Akta dan FRS, serta membentuk dan mengekalkan sistem kawalan perakaunan dalaman yang mencukupi untuk memberikan jaminan munasabah bahawa aset-aset dilindungi daripada penggunaan atau penjualan tanpa kebenaran; dan transaksi dikuatkuasakan dengan betul dan bahawa ia direkodkan sebagaimana perlu untuk membenarkan penyediaan penyata kewangan yang betul dan saksama dan untuk mengekalkan akauntabiliti aset.

Dalam menyediakan penyata kewangan, pihak pengurusan bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Syarikat untuk terus sebagai satu usaha berterusan, mendedahkan, di mana berkenaan, perkara-perkara yang berkaitan dengan usaha berterusan dan menggunakan asas perakaunan usaha berterusan melainkan pengurusan bercadang sama ada berhasrat untuk membubarkan Syarikat atau berhenti operasi, atau tidak mempunyai alternatif yang realistik selain berbuat demikian.

Tanggungjawab pengarah termasuk menyelia proses pelaporan kewangan Syarikat.

Tanggungjawab Juruaudit terhadap Audit Penyata Kewangan

Objektif kami adalah untuk mendapatkan jaminan yang munasabah sekiranya penyata kewangan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang material, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, dan untuk mengeluarkan laporan juruaudit yang menyatakan pendapat kami. Jaminan yang munasabah adalah tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan suatu jaminan bahawa audit yang dilaksanakan mengikut SSA akan sentiasa mengesan salah nyata yang material sekiranya ia wujud. Salah nyata boleh timbul akibat penipuan atau kesilapan dan dianggap material jika, secara individu atau agregat, salah nyata ini boleh dijangkakan dengan munasabah boleh mempengaruhi keputusan ekonomi pengguna yang diambil berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan menurut SSA, kami menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Kami juga:

- Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata yang material pada penyata kewangan, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif kepada risiko berkenaan, dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan wajar untuk menyediakan asas yang munasabah bagi pendapat kami. Risiko tidak mengesan salah nyata yang material akibat daripada penipuan adalah lebih tinggi berbanding dengan yang disebabkan oleh kesilapan, kerana penipuan mungkin melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, peninggalan secara sengaja, gambaran salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- Memperoleh pemahaman mengenai kawalan dalaman yang relevan dengan audit bagi tujuan merangka prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Syarikat.
- Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan berkaitan yang dibuat oleh pihak pengurusan.
- Membuat kesimpulan mengenai kesesuaian penggunaan asas perakaunan usaha berterusan oleh pihak pengurusan dan, berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada ketidakpastian material wujud berhubung dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan signifikan ke atas keupayaan Syarikat untuk terus beroperasi sebagai satu usaha berterusan. Jika kami membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian material wujud, kami dikehendaki untuk menarik perhatian kepada pendedahan yang berkenaan dalam laporan juruaudit kami dalam penyata kewangan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, untuk mengubah pendapat kami. Kesimpulan kami adalah berdasarkan pada bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh laporan juruaudit kami. Walau bagaimanapun, peristiwa atau keadaan yang akan berlaku pada masa akan datang boleh mengakibatkan Syarikat untuk berhenti operasi sebagai satu usaha berterusan.
- Menilai pembentangan, struktur dan kandungan penyata kewangan secara keseluruhan, termasuk pendedahan, dan sama ada penyata kewangan ini mewakili urusan niaga dan peristiwa yang mendasari dengan cara yang memberikan pembentangan saksama.

Kami berkomunikasi dengan para pengarah mengenai, antara lain, perancangan skop dan masa audit dan penemuan audit penting, termasuk sebarang kekurangan yang ketara dalam kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa audit kami.

Laporan mengenai Keperluan Undang-Undang dan Kawal Selia Lain

Pada pendapat kami, rekod perakaunan dan rekod-rekod lain yang wajib disimpan dibawah Akta oleh Syarikat telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta tersebut.

PricewaterhouseCoopers LLP
Akauntan Awam dan Akauntan Berkanun
Singapura, 7 Februari 2025

Laporan Tahunan dan Akaun

Nota-nota kepada akaun membentuk sebahagian penting penyata kewangan yang diaudit dan pemahaman penuh penyata dan ehwal bank tidak boleh dicapai tanpa merujuk kepada set lengkap penyata kewangan yang diaudit bank. Nota-nota akaun boleh didapati atas permintaan dari cawangan kami.

